

Memori **KORPORAT**

UITM DALAM SEJARAH

SEJARAH FAKULTI – KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN

Fakulti Pengurusan Maklumat (Kajian Sains Perpustakaan) telah ditubuhkan dengan matlamat untuk membentuk dan menyelenggarakan rancangan pendidikan yang sesuai bagi memenuhi keperluan tenaga manusia di Malaysia dalam bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat.

Bermula pada bulan Jun 1968 kajian ini menyediakan pelajar-pelajar untuk kursus luaran iaitu “The Library Association Professional Examination di United Kingdom yang dikendalikan di bawah Jabatan Sains Perpustakaan, Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang, ITM. Pada bulan Julai 1969, Kursus Librarianship (UK) dipindahkan ke Kajian Sains Perpustakaan yang menyediakan pelajar-pelajar untuk peperiksaan luar bagi A.L.A (Associate of the Library Associations) (UK).

Pada 03 Julai 1972, Kajian Sains Perpustakaan mula ditubuhkan secara rasmi dengan menawarkan kursus dalaman yang pertama iaitu Kursus *Diploma In Library Science*. Penubuhan kajian ini selari dengan perkembangan dalam pertumbuhan dan perancangan perpustakaan serta berorientasikan kepada keadaan di Malaysia pada ketika itu. Satu memorandum telah dihantar kepada Jabatan Perkhidmatan Awam pada tahun 1974 bagi mengiktiraf *Diploma in Library Science* ITM setaraf dengan Sarjana Muda Kepujian daripada Universiti yang diiktiraf pada ketika itu dan telah pun diluluskan.

Pada tahun 1979, nama kajian ini telah diubah kepada Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat untuk mencerminkan beberapa perubahan baru yang telah dibuat semasa proses semakan kurikulum. Dalam kurikulum kajian ini, perseimbangan adalah dikekalkan di antara teori dan praktik dan di antara matapelajaran ikhtisas dan akademik supaya pelajar-pelajar mendapat kemahiran yang mencukupi dalam bidang professional serta memperolehi pendidikan akademik yang luas. Dalam usahanya untuk mendedahkan pelajar kepada suasana persekitaran perpustakaan yang sebenar, kajian ini yang diletakkan di Kampus Jalan Othman, Petaling Jaya mempunyai perpustakaan sendiri di mana pelajar menjalani latihan praktik setiap hari di samping mengikuti kuliah yang berbentuk teori dari masa ke semasa.

Antara Ketua-Ketua Pengajian/Dekan yang telah berkhidmat bermula dari Kajian Sains Perpustakaan (1970-1978), Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat (1979-1996), Fakulti Pengajian Maklumat (1997-2005) sehingga ke Fakulti Pengurusan Maklumat (2005 – kini) adalah :

1. R. Nadarajah (Mrs.) 03 Julai 1972 - 30 Jun 1973	2. Dr. Oli Mohamed Abdul Hamid 01 Julai 1973 - 15 Ogos 1974	3. Molina S. Nijhar (Mrs.) 01 Jan 1975 - 31 Julai 1978	4. Dr. Oli Mohamed Abdul Hamid 01 Ogos 1978 - 30 Jun 1981	5. Dr. Katni Kamsono Kibat 01 Julai 1981 - 31 Julai 1984	6. Prof. Dr. Szarina Abdullah 01 Ogos 1984 - 30 Nov 1985	7. Dr. Katni Kamsono Kibat 01 Dis 1985 - 30 Nov 1987	8. Pn. Norma Abu Seman 01 Dis 1987 - 30 Nov 1989
9. Prof. Dr. Szarina Abdullah 01 Jan 1990 - 31 Dis 1990	10. Pn. Fuziah Hj. Mohd Nazar 01 Jan 1991 - 31 Dis 1994	11. Dr. Raja Abdullah Raja Yaacob 01 Jan 1995 - 31 Dis 2001	12. Prof. Madya Dr. Laili Hashim 2002 – 2007	13. Prof. Madya Dr. Adnan Jamaludin 2008 – 2009	14. Prof. Madya Dr. Laili Hashim 2010 – 2013	15. Prof. Madya Dr. Mohd Sazili Shahibi 2014 – 2016	16. Prof. Dr. Sohaimi Zakaria 1 Jun 2017 – Kini



Kajian Sains Perpustakaan 1972,
ITM Jalan Othman



Fakulti Pengurusan Maklumat 2013,
UiTM Puncak Perdana

Sumber :

1. Buku ITM Warisan Bangsa 2. Jurnal Maklumat, Jilid 1, Jan 1986, (Szarina Shakir & Wong Tuck Cheong)